



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

PROFESSOR MADYA DR. NIK KAMARUZAMAN BIN HJ ABDUL LATIFF
KOORDINATOR PERC (POVERTY ERADICATION RESEARCH CENTRE) UiTM
KELANTAN

OLEH:

MUHAMMAD SALEHUDDIN BIN ZAINAL MAZRI

2017275982

RIZQAN BIN SAARI

2017275996

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PROFESSOR MADYA DR. NIK KAMARUZAMAN BIN HJ ABDUL LATIFF
KOORDINATOR PERC (POVERTY ERADICATION RESEARCH CENTRE) UiTM
KELANTAN

OLEH:

MUHAMMAD SALEHUDDIN BIN ZAINAL MAZRI

2017275982

RIZQAN BIN SAARI

2017275996

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2018 – JAN 2019)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Pertama sekali kami ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan rezeki dan limpah kurniaNya dapat juga kami menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Walaupun terdapat banyak halangan dan rintangan dalam usaha menjalankan tugas ini, namun pada akhirnya telah membuahkan hasil yang cukup membanggakan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kami ucapkan kepada pembimbing kami yang mengajar subjek IMR 604 “Documenting Oral History” (Sejarah Lisan) iaitu Puan Nurul Annisa Binti Abdullah yang telah membimbing kami dengan jayanya sepanjang tugas ini berlangsung. Dorongan dan tunjuk ajar beliau telah banyak membantu kami dalam proses untuk menyiapkan transkrip ini, segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau sepanjang pembikinan transkrip ini amat berharga dan menjadi rujukan yang utama.

Selain itu, setinggi ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada Professor Madya Dr Nik Kamaruzaman Bin Awang Teh @ Haji Abdul Latiff, Koordinator Poverty Eradication Research Center (PERC) Cawangan Kelantan yang sudi menjadi tokoh untuk di temubual. Kerjasama dan masa yang beliau luangkan semasa diwawancara oleh kami amat dihargai dan menjadi sumber yang berharga dan penting untuk melengkap transkrip ini yang berkisar mengenai sejarah bangunan UiTM Cawangan Kelantan, kampus Machang.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Tidak lupa kepada ibu bapa dan rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi dorongan serta sokongan moral untuk menyiapkan transkrip ini dengan jayanya dan menjadi salah satu rujukan yang penting di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara Professor Madya Dr. Nik Kamaruzaman Bin Haji Abdul Latiff, Koordinator PERC UiTM Cawangan Kelantan bersama pelajar yang bernama Rizqan bin Saari dan Muhammad Salehuddin bin Zainal Mazri. Transkrip ini bertujuan untuk mendapatkan informasi lisan yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk masa akan datang dimana ianya berkisar mengenai sejarah bangunan UiTM Cawangan Kelantan, kampus Machang. Transkrip ini juga menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang tokoh yang berbicara berkenaan dengan sejarah bangunan UiTM ini. Hasil daripada wawancara bersama tokoh yang cukup arif dan berpengalaman mengenai bangunan UiTM ini terdapat banyak sejarah dan keunikan yang tersirat berkenaan bangunan ini dari segi penubuhan, pembinaan, lokasi, geografi, konsep, reka bentuk dan kejayaannya yang dicapai oleh UiTM Cawangan Kelantan, kampus Machang. Dalam menyiapkan bangunan UiTM ini pelbagai rintangan dan cabaran terpaksa dihadapi dengan faktor geografinya sehingga terbina sebuah menara gading yang tersergam indah sebagai pusat pengajian tinggi.*

Kata kunci: *Bangunan, Machang, Professor Madya Dr. Nik Kamaruzaman Bin Haji Abdul Latiff, UiTM Cawangan Kelantan, kampus Machang*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian B: Sejarah Pendidikan.....	05
Bahagian C: Sejarah Pekerjaan Awal.....	10
Bahagian D: Kerjaya Terkini.....	17
Bahagian E: Sejarah Bangunan.....	25
Bahagian F: Reka Bentuk Bangunan.....	43
Bahagian G: Konsep dan Keunikan Bangunan.....	56
Bahagian H: Aktiviti Kemasyarakatan & Sumbangan.....	62
Bahagian I: Pendapat dan Harapan.....	67-69
Lampiran	
Log Wawancara.....	70
Diari Kajian.....	81
Senarai soalan.....	83
Surat Perjanjian.....	89
Gambar.....	90
Indeks.....	93

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Professor Madya Dr. Nik Kamaruzaman Bin Awang Teh @
Haji Abdul Latiff

Umur : 57 Tahun

Tarikh Lahir : 30 Jun 1961

Status : Berkahwin

Tempat Lahir : Tanah Merah, Kelantan

Nama Isteri : Hajjah Aizan Binti Abdul Ghani

Pekerjaan : Koordinator PERC (Poverty Eradication Research Center)
dan bekas Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan Industri
(PJI) UiTM Cawangan Kelantan

No. Telefon : 0199372220

Pendidikan : Diploma in Accountancy, Degree in Accountancy, Master of
Accounting and Finance dan Doktor Falsafah (PhD) USM

PENGENALAN

PENGENALAN

Professor Madya Dr. Nik Kamaruzaman Bin Awang Teh @ Haji Abdul Latiff telah ditemubual pada 5 November 2018 sekitar pukul 10.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari yang bertempat di bilik beliau iaitu Unit Penyelidikan Jaringan Industri (PJI), Blok Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan. Temubual ini adalah berkenaan ataupun berkisar mengenai sejarah bangunan UiTM Cawangan Kelantan, kampus Machang. Dr. Nik Kamaruzaman merupakan seorang yang arif dan cukup berpengalaman mengenai bangunan UiTM ini kerana beliau sudah bertugas di bangunan ini sejak awal pembinaannya lagi. Pengalaman beliau bekerja dengan UiTM Kelantan hampir menjangkau 33 tahun sejak daripada lokasi asal bangunan UiTM Kelantan di Kem Kijang merupakan pengalaman yang berharga untuk dikongsi.

Beliau telah melalui banyak pengalaman dan melihat sendiri proses pembinaan bangunan UiTM ini dan telah melalui pelbagai pahit manis serta kejayaan dengan bangunan ini. Bangunan UiTM Cawangan Kelantan, kampus Machang ini cukup dekat di hati beliau dan mempunyai nilai sejarah yang tersendiri. Beliau sekarang memegang jawatan sebagai Koordinator PERC (Poverty Eradication Research Center) UiTM Cawangan Kelantan dan beliau juga merupakan bekas Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan Industri (PJI) dari tahun 2008 sehingga 2016. Beliau kini berumur 57 tahun dan telah banyak menyumbang kepada pembangunan UiTM ini dari segi ilmiah, pentadbiran, penyelidikan, pembelajaran dan sebagainya.

Bangunan UiTM Cawangan Kelantan, kampus Machang ini mempunyai banyak unsur ataupun nilai sejarah yang unik. Seni bina dan reka bentuk bangunan UiTM ini sangat unik dan membawa pengertian kepada sesuatu. Hasil daripada wawancara bersama beliau, kami berjaya memperoleh informasi yang amat berharga mengenai sejarah bangunan UiTM ini sama ada dari segi pembinaannya, penubuhan, lokasi, reka bentuk, geografinya, keunikannya serta kejayaannya.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang sejarah bangunan UiTM Cawangan Kelantan, kampus Machang yang dikongsi oleh Professor Madya Dr. Nik Kamaruzaman Bin Awang Teh @ Haji Abdul Latiff, Koordinator PERC UiTM Cawangan Kelantan yang juga merupakan bekas Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan Industri (PJI) UiTM Cawangan Kelantan bertempat di bilik beliau iaitu Unit Penyelidikan Jaringan Industri (PJI), Blok Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan. Tembual ini telah dijalankan oleh Rizqan bin Saari dan Muhammad Salehuddin bin Zainal Mazri. Sesi temubual ini berlangsung pada 5 November 2018 sekitar jam 10.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari. Temubual ini terbahagi kepada sembilan bahagian iaitu Bahagian A sehingga Bahagian I. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

DNK : Dr. Nik Kamaruzaman
RS : Rizqan Saari
MS : Muhammad Salehuddin

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

RS : Boleh saya tahu nama penuh tuan dan berapakah usia tuan?

DNK : Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum w.b.t. terima kasih kerana mengundang saya untuk perbincangan ini. Saya pun rasa agak terharulah selama tiga puluh tiga tahun [33] tahun saya bekerja disini ada orang menghargai pengorbanan saya disini. Nama penuh saya ialah Professor Madya Dr. Nik Kamaruzaman bin Awang Teh @ Haji Abdul Latiff, itu adalah nama penuh saya dan usia saya sekarang adalah lima puluh tujuh [57] tahun.

RS : Apakah nama gelaran tuan?

DNK : Saya mendapat gelaran akademik sebagai Professor Madya dan mendapat Doktor apabila saya memiliki Doktor Falsafah pada tahun *dua ribu lapan* [2008].

RS : Bilakah tuan dilahirkan dan berapakah tarikh lahir tuan?

DNK : Saya dilahirkan pada 30 Jun 1961 dan dilahirkan di Kelantan.

RS : Dimanakah tuan dilahirkan dan dimanakah tuan dibesarkan?

DNK : Saya dilahirkan di Kelantan dan dibesarkan di Kelantan. Secara khusus ialah di Tanah Merah, Kelantan.

RS : Dimanakah tuan menetap sekarang?

DNK : Saya sekarang menetap dekat dengan kampus kita iaitu Machang, Bukit Tiu Machang.

RS : Tuan anak ke berapa daripada berapa orang adik-beradik?

DNK : Saya mempunyai tiga [3] ibu, satu [1] bapa, mak saya ialah ibu yang ketiga. Jadi saya adalah anak yang ke enam belas [16] daripada tujuh belas [17] adik-

beradik.

RS : Bolehkah tuan menceritakan serba sedikit tentang adik-beradik tuan?

DNK : Ya, daripada ibu pertama, saya mempunyai tujuh [7] adik-beradik. Ibu kedua, dua [2] adik-beradik dan lebih itu ialah daripada seibu sebapa. Semuanya sudah tulah [itulah], kerana saya ini hampir dah jadi bongsu, jadi yang lain-lain banyak yang telah meninggal dunia dan juga masih lagi hidup, tapi semua dah pencen [bersara].

RS : Apakah nama isteri tuan dan apakah pekerjaannya?

DNK : Nama isteri saya ialah Hajjah Aizan binti Abdul Ghani, sekarang ini sudah pencen [bersara] dan sebelum ini adalah Guru Fizik di Sekolah Menengah Hamzah, Machang.

RS : Tuan ada berapa orang anak dan adakah semuanya masih belajar?

DNK : Saya mempunyai lima [5] orang anak, yang masih belajar hanyalah seorang iaitu bongsu dan yang lain-lain ialah telah bekerja.

RS : Apa harapan tuan pada anak- anak tuan untuk masa akan datang?

DNK : Harapan saya untuk anak-anak saya ialah menjadi seorang hamba allah yang beriman dan taat kepada suruhnya dan berjaya dalam kerjaya yang dipilih masing-masing.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

RS : Dimanakah tuan mendapat pendidikan peringkat sekolah rendah?

DNK : Saya dibesarkan di Tanah Merah jadi pendidikan awal saya ialah di Tanah Merah iaitu Sekolah National Type English Primary Schools iaitu yang terdapat di jalan klinik Tanah Merah dan saya belajar sehinggalah darjah enam [6]. Walaupun begitu, pada tahun darjah tiga [3], tahun ketiga kami terpaksa pindah ke sekolah, pindah sementara ke Sekolah Rendah Kebangsaan Tanah Merah sebab pembinaan baru sekolah sedang diusahakan pada masa itu.

RS : Pada tahun berapa tuan mula belajar di sekolah rendah dan tamat pada tahun berapa?

DNK : Saya mula belajar pada tahun *sembilan belas enam puluh lapan* [1968] dan tamat pada *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973].

RS : Dimanakah Tuan mengikuti pengajian peringkat menengah?

DNK : Saya mempunyai dua [2] sekolah di peringkat sekolah menengah rendah iaitu daripada tingkatan satu [1] hingga tingkatan tiga [3], saya belajar di Sekolah Menengah Dato Mahmud Paduka Raja Tanah Merah dan kemudian menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Teknik Terengganu pada tahun 74, 75 *opss sorry* [maaf] tujuh puluh tujuh [1977], tujuh puluh lapan [1978], tahun *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977], *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978].

RS : Adakah tuan seorang yang aktif semasa zaman persekolahan dan apakah jawatan yang dipegang oleh tuan?

DNK : Di masa persekolahan katakan di sekolah rendah pernah menjadi pengawas, di sekolah menengah fokus saya ialah pada aktiviti ko-kurikulum sebagai contoh masuk pancaragam dan juga aktif dalam bidang tenis, sukan tenis dan di sekolah menengah tinggi iaitu masa di sekolah menengah teknik, saya banyak fokus pada aktiviti-aktiviti islamik sehingga kan dilantik menjadi pengerusi persatuan pelajar-pelajar islam, sekolah menengah teknik.

RS : Dimanakah tuan menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi?

DNK : Saya melalui kesemua peringkat pengajian tinggi, pertamanya di peringkat diploma mengambil jurusan Diploma Perakauan, Diploma in Accountancy pada tahun *tujuh puluh sembilan* [1979] hingga *lapan puluh dua* [1982] di UiTM [Universiti Teknologi MARA] ataupun pada masa tersebut ITM [Institut Teknologi MARA] Cawangan Perlis. Kemudian saya terus sambung ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, tetapi pada masa tersebut di ITM [Institut Teknologi MARA] hanya digelar ataupun dipanggil Advance Diploma tetapi ianya setaraf Ijazah Sarjana Muda iaitu di Shah Alam. Selepas itu, daripada selepas saya mendapat ijazah tersebut pada tahun *lapan puluh dua* [1982] hingga *lapan puluh lima* [1985], selepas itu terus saya menjadi pensyarah di UiTM Kelantan pada *sembilan belas lapan puluh enam* [1986]. Selepas tiga [3]

tahun bekerja saya sambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana di Universiti of Stirling Scotland selama setahun dalam bidang Master of Accounting and Finance dan saya balik terus mengajar dan pada *dua ribu satu* [2001] saya mula mengambil Ijazah Doktor Falsafah di USM [Universiti Sains Malaysia], jadi itulah proses pembelajaran saya.

RS : Boleh saya tahu apakah bidang atau kursus yang diambil oleh tuan?

DNK : Saya, pengkhususan utama saya dari diploma hingga sarjana ialah perakaunan dan saya pergi pada perakaunan yang lebih spesifik di peringkat falsafah, ijazah falsafah iaitu mengambil fokus pada Management Accounting Information System dan juga Management Control System.

RS : Apakah kenangan pahit dan manis tuan ketika belajar di sana?

DNK : Banyak (ketawa) banyak pengalaman tetapi pengajaran yang cukup banyak yang saya lalui, saya rasa pahit dan akhirnya manis macam itulah. Sebagai contoh masa saya belajar di peringkat SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] ataupun Malaysian Certificate of Education (MCE) saya cukup berusaha untuk mendapatkan gred C sekurang-kurangnya dalam Bahasa Inggeris dan saya cukup *struggle* [berusaha] dalam masa itu sehinggakan bahasa ini kita tak menghafal tapi saya menghafal harap-harap apa saya hafal itu keluar dan semestinya tak keluarlah. Tetapi pengalaman saya ialah usaha dan alhamdulillah sebab cita-cita saya daripada dulu [dahulu] lagi nak masuk UiTM [Universiti Teknologi

MARA]. Jadi bila saya --- ITM [Institut Teknologi MARA] dia yang pentingya kena kredit, kredit C sekurang-kurangnya dalam Bahasa Inggeris. Jadi apa yang saya lakukan, saya bersungguh-sungguhlah untuk dapatkan gred C dan saya dapat gred C jadi alhamdulillah. Tetapi saya rasa proses pembelajaran Bahasa Inggeris saya banyak di UiTM semasa saya belajar Diploma, Degree dan Master iaitu saya *improve* [tingkatkan] daripada situ, banyak *improvement* [peningkatan] yang saya dapat daripada situ. Apa yang kita boleh *expect* [jangka] pada pelajar di luar bandar dalam Bahasa Inggeris, lebih-lebih lagi pada zaman dahulu tidak diberi penekanan langsung. Jadi itu bagi saya satu yang pahit untuk laksanakan tetapi manis akhirnya. Begitu juga dalam, semasa *degree* [ijazah] saya *fail* [gagal] satu *paper* [kertas] pada semester akhir, jadi saya kena *supplement paper* [kertas tambahan] dan cukup pahitlah kawan-kawan dah *ready* [bersedia] untuk konvo saya belum tentu lagi dapat konvo yang itu pun sama juga macam saya telan satu buku itu, hafal buku untuk dapat lulus dan begitu juga masa Master saya melalui pahit tetapi apa yang saya lihat ialah keyakinan kita untuk kita nak berjaya, kita akan dapat. Saya cukup percaya kepada ayat allah dan saya pun *all the time* [sepanjang masa] saya beritahu ke anak-anak murid saya, pelajar-pelajar saya ingat benda ini iaitu Surah Alam Nasyrah ayat lima [5], enam [6] selepas susah mesti ada kejayaan. Allah memang bagi dulu kesusahan untuk kita lalui pahit maun dan insyaallah [dengan izin allah] akan ada kejayaan selepas itu. Jadi sehingga sekarang saya masih kekal dengan itu kalau ada masalah apa-apa ingat pada ayat allah itu, insyaallah

kita buat yang terbaik selepas itu allah kata berserah pada dialah sama ada dia nak bagi ke tak nak bagi. Jadi kita pun rasa walau tak berjaya, kita rasa kita sudah capai apa yang dkehendaki oleh allah. Saya rasa itulah pahit manis dalam pelajaran, sehingga phd pun saya ada, tapi panjang ceritalah (ketawa).

RS : Apakah prinsip hidup tuan?

DNK : Prinsip hidup saya, saya rasa saya ditanam daripada awal-awal lagi dengan melihat kehidupan kita ini kerana Allah swt jadi saya mengambil *quotation* [perkiraan] yang cukup *simple* [mudah] tetapi saya gunakan dia sebagai amalan saya “masa itu kehidupan”. Jadi bila masa itu kehidupan, kehidupan kita ialah kita nak jadi seorang yang muslim maka setiap masa kita kena ingat bahawa kita nak laksanakan kehidupan dia, kehidupan kita dalam bentuk yang dikehendaki oleh allah swt, itu *saja* [sahaja], tetapi dalam tu kita ada pecahan-pecahan lah. Tetapi kita nak *state to one* [katakan kepada satu], macam kita kata *tagline* [slogan] ya masa itu.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: SEJARAH PEKERJAAN AWAL

MS : Setelah tamat pengajian, apakah yang dibuat oleh tuan dan apakah pekerjaan pertama yang tuan lakukan?

DNK : Pekerjaan pertama dan terakhir saya ialah pensyarah haha (ketawa) saya mula bekerja sebagai pensyarah semenjak tamat daripada Ijazah Sarjana Muda iaitu tahun *sembilan belas sembilan puluh enam* [1986] Januari *sembilan belas sembilan puluh enam* [1986] exactly [tepat sekali] lima belas [15] Januari *sembilan belas sembilan puluh enam* [1986] setelah tamat pada masa dulu kita panggil Advance Diploma in Accountancy daripada situ [di situ] saya bekerja selama tiga [3] tahun dan diberi peluang sambung pelajaran ke University of Stirling Scotland dalam Master of Accounting and Finance selama setahun [1] dan kemudiannya pada tahun *sembilan belas sembilan puluh dua* [1992] dilantik menjadi pensyarah kanan dan pada tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991] hingga *sembilan belas sembilan puluh empat* [1994] menjadi ketua program atau pun sekarang ni KPP [Ketua Pengajian Program] tetapi dulu kita tidak ada KPP [Ketua Pengajian Program] kita panggil ketua program untuk Diploma in Accountancy iaitu masa itu zaman masa di kem kijang lagi sehingga datang ke sini dan sampai *dua ribu satu* [2001] selepas kita di tukarkan daripada ITM [Institut Teknologi Mara] ke UiTM [Universiti Teknologi MARA] saya memang terasa terpanggil sangat sangat bahawa *I have to end my self with* [Saya perlu menamatkan diri saya dengan] PhD saya kena berakhir dengan Ijazah yang tertinggi dalam dalam proses akademik jadi saya ambil minta PhD pada masa itu

peluang untuk ke luar negara cukup mudah tetapi bagi saya pada masa itu saya cukup melihat kepada penghidupan anak-anak saya anak-anak saya kecil dan saya tidak risau sangat takut risau tak terurus di luar negara haha (ketawa) sebab saya pernah duduk di di Scotland dulu dan melalui perkara-perkara tersebut jadi saya rasa lebih baik saya buat di tempatan dan telah memilih USM [Universiti Sains Malaysia] untuk saya belajar dalam Management Accounting. Pada tahun *dua ribu lima* [2005] saya dapat lantikan sebagai Professor Madya tetapi masa itu masih belum mendapat Ijazah Falsafah sehingga pada *dua ribu lapan* [2008] baru saya dapat secara formal doktorit tetapi pada masa itu sudah mendapat Professor Madya. Pada *dua ribu sembilan* [2009] saya di lantik menjadi Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri sehingga *dua ribu enam belas* [2016] dan selepas itu saya menjadi Professor Madya di fakulti sehingga sekarang lah Professor Madya di Fakulti Perakauanan dan menjadi pengerusi dalam beberapa jawatankuasa dalaman universiti serta menjadi ahli dalam jawatankuasa universiti di peringkat negeri. Jadi maksud nya saya, saya tidak berhenti setakat Timbalan Rektor sahaja tetapi saya rasa perkhidmatan saya sekiranya di perlukan saya mengambil tugas tersebut sebab ini adalah *responsibility* [tanggungjawab] bersama. Jadi sehingga kini saya telah berkhidmat *selama tiga puluh tiga* [33] tahun di UiTM [Universiti Teknologi MARA] cawangan Kelantan satu satunya haha (ketawa).

MS : Mengapa tuan memilih pekerjaan itu? Adakah kerana minat tuan dalam bidang itu?

DNK : Minat sebagai pensyarah ini rupanya dia dah dalam diri itu cumanya kita tidak nampak. Pada mulanya saya lebih cenderung menjadi seorang Akauntan iaitu untuk mengambil peperiksaan profesional dan juga menjadi Akauntan Profesional. Pada tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985], masa saya *grad* [konvo] itu masa itu sudah menjadi satu permasalahan yang cukup besar dalam mendapat pekerjaan memang *critical* [kritikal] masa itu kebanyakan kami tidak dapat kerja dan saya masih ingat lagi saya minta hampir *empat puluh* [40] pekerjaan *empat puluh* [40] saya ada senarai itu tetapi sekarang ni *lost* [hilang] dekat *you* [awak] saya senarai saya tulis satu [1] satu [1], satu [1] pun tidak panggil untuk *interview* [temuduga], cukup *touched* [menyentuh] tetapi Allah Maha Kuasa saya minta pensyarah UiTM [Universiti Teknologi MARA] terus di panggil untuk *interview* [temuduga] *that why* [sebab itu] saya kata “*that said if I get here I will stick to this*” [yang berkata jika saya sampai di sini saya akan berpegang kepada perkara ini] sehingga sekarang saya rasa cukup terhutang budi kepada UiTM [Universiti Teknologi MARA] memberi ruang saya untuk belajar, memberi ruang saya untuk berkembang dari segi akademik pada masa sama juga memberi ruang saya untuk bekerja. Jadi secara tidak langsung dia datang daripada itu tetapi bila saya mengajar saya rasa *it very good choice* [ia adalah pilihan yang sangat baik] sebab dia hampir dengan dengan minat saya, saya rasa saya ada satu [1] *nature of empathy* [sifat empati] iaitu *emphaty*

[empati) ini ialah kita cuba untuk membantu orang lain jadi di sini bila kita tengok kita mengajar para pelajar yang mana sama dengan kita dulu kurang dari segi Bahasa Inggeris, kurang dari segi ilmu *result* [keputusan] yang rendah rendah tetapi kita rasa akhirnya diorang [mereka] boleh membina diri sendiri. Sebab itu saya percaya kepada falsafah UiTM [Universiti Teknologi MARA] atau falsafah ITM [Institut Teknologi MARA] datang daripada apa pun berikan kami ruang untuk membina kembali dan anda akan menjadi orang yang berjaya *the stick to there* [berpegang yang itu] sebab itu saya rasa kalau *result* [keputusan] kita yang rendah pun sebab peluang kita lebih lebih lagi kalau pelajar-pelajar di luar bandar peluang kita cukup sikit, cukup rendah jadi bila kita diberi peluang sebegini dan di buka seluas luasnya tidak ada sekatan, selagi kita ingin belajar, kita akan berjaya. Yang tu menyebabkan saya kata *they said I will be deserve* [mereka berkata saya akan layak] untuk bersama-sama dia. Sebab itulah ramai daripada rakan pelajar-pelajar saya sudah berjaya dalam kerjaya mereka masing-masing nak kata apa, jutawan ada, profesional akauntan ramai okay [baiklah] *CEO* [Ketua Pegawai Eksekutif] ramai, *own the company* [memiliki syarikat itu sendiri] ramai, jadi itulah kejayaan. Dan kejayaan itu bagi kita itulah satu seksyen itu bila kata memilih pekerjaan ni memang sesuai kita rasa seronok bila kejayaan tu didapati oleh orang lain hasil dengan sedikit *touch* [sentuhan] daripada kita bukan semua sekali, sedikit *at least* [sekurang kurangnya] kita boleh bagi sumbangan itu saya rasa nampak kerana minatlah tapi kita tidak perasan *ending* [berakhir] itu baru kita perasan.

MS : Apakah sumbangan tuan semasa bekerja disana?

DNK : Di mana saya kata tadi, sumbangan ini tidak nampak di kaca mata kasar dia tidak nampak keadaan yang apa yang kita panggil *they said* [mereka berkata] lahir satu bangunan yang tinggi dan sebagainya bukan, yang ini ialah kita membina manusia, *human resource* [sumber manusia] jadi hasil pada situ [di situ] pertama ialah dari segi pelajar saya boleh menjadi seorang yang berjaya dan boleh kita kata bercita-cita walaupun *result* [keputusan] yang rendah keputusan SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] yang rendah tetapi dia ada cita-cita dia boleh capai. Saya *recall back my self* [ingat semula diri saya] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saya paling teruk, yelah [ya] bukan teruk sangat tetapi teruklah tetapi *I can be at this position something while* [Saya boleh berada di kedudukan ini beberapa saat]. Maksudnya kita ada diberi ruang untuk berkembang kalau kita nak. Jadi itu *satu* [1] sumbangan, *satu* [1] sumbangan lagi ialah dengan rakan sekerja saya rasa yang paling besar sekali yang saya rasa dalam diri saya, saya rasa bersyukur kepada Allah S.W.T dan rasa seronok ialah pada mula dulu, dalam saya belajar di untuk PhD ni, hanya beberapa orang sahaja saya masih ingat lagi tidak sampai sepuluh [10] orang, belajar pun tidak dapat lagi PhD kecuali Rektor kita pada masa itupun, Professor Dato' Dr. Hussin pernah dah [sudah] dapat, yang lain tak [tidak] dapat masih tengah belajar lagi dan saya pergi masa itu tengah belajar jadi daripada di katakan tidak sampai lima peratus [5%] daripada pensyarah yang belajar untuk PhD. Jadi bila balik ke sini, bila saya rasa saya sampai *satu* [1] peringkat *again I same get if I*

can of course other people can do it [sekali lagi saya mendapat sama jika saya boleh sudah tentu orang lain boleh melakukannya]. Jadi saya letak kaedah macam itu saya ajak kawan-kawan. Masa saya belajar dulu, saya tidak ada rakan-rakan untuk berbicara untuk tanya apa masalah yang saya laksanakan sebab semuanya tidak pernah melalui PhD punya proses atau pun sedang melalui jadi dia pun dalam teraba-raba. Jadi bila saya dah [sudah] habis semuanya itu saya letak *position right this if you have problem come over and see me* [jawatan ini jika anda mempunyai masalah datang dan berjumpa dengan saya]. *We can help or we can discuss together* [kita boleh tolong atau kita bincang bersama]. Yang itu sebenarnya dalam proses belajar di PhD amat diperlukan, sokongan moral daripada rakan-rakan yang mana kita boleh bersama-sama membantu mereka. Jadi di situlah saya rasa sumbangan tidak nampak ada di mana-mana. Tetapi, *after* [selepas] *five years* [5 tahun] saya boleh melihat bercambah prestij *lectures* [syarahan] dan saya rasa bukanlah disebabkan oleh saya *at least* [sekurang-kurangnya] segelintir saya boleh memberi sumbangan saya. Sumbangan secara *general* [umum] nya ialah sumbangan pembangunan insaniah, pembangunan manusia, pembangunan karier rakan-rakan, pembangunan karier pelajar-pelajar jadi itu rasanya sumbangan apa kita panggil istilahnya anggang hero dia memberi sumbangan tetapi orang tidak tahu rasa lebih baik macam itu saya seronok macam itu *rather than* [bukannya] haha (ketawa) *on good on the best* [baik pada yang terbaik] semuanya *I don't like that* [Saya tidak suka itu]. Jadi di situlah saya rasa sumbangan sumbangan yang

boleh membantu balik kepada anak bangsa kita, balik kepada anak seorang muslim macam mana dia boleh pertingkatkan diri mereka

MS : Setelah beberapa lama bekerja disana, adakah tuan ada menukar profesion pekerjaan?

DNK : Tidak ada langsung, bila dah *state* [nyatakan] bila dah jatuh cinta dengan menjadi seorang pensyarah dan ruangnya cukup besar. Dia macam ini, dulu saya ingat pensyarah ini ialah pensyarah mengajar sahaja. Rupanya dia lebih luas lagi sampai sekarang pun nak pencen [bersara] pun saya rasa macam tidak habis lagi kerja saya, sebab bila saya buat PhD saya masuk dalam dunia satu [1] lagi yang penting dalam pekerjaan pensyarah ialah penyelidikan. Kat [Dekat] situ [di situ] lagi luas, rasa ada banyak lagi yang saya boleh kemukakan. Jadi daripada situlah saya rasa dalam nak menukar profesion itu tidak mungkin, lebih lagi nak pencen [bersara] dah tiga [3] lagi. Tetapi, saya lebih masih lagi ingin mengembangkan karier saya dalam bidang ataupun dalam karier saya sebagai pensyarah ini lebih luas lagi kita boleh perhatikan. Bila kita kata pasal penyelidikan, *there is no end* [tidak ada akhir], banyak yang boleh dilakukan. *So* [jadi], *even* [walaupun] saya rasa kalau saya pencen [bersara] pun, saya rasa saya masih lagi akan menyumbang dari segi penyelidikan. Sebab dia boleh membantu *again* [semula] membantu pembangunan negara, membantu pembangunan manusia, membantu pembangunan akademik negara dan sebagainya.

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: KERJAYA TERKINI

MS : Siapakah idola tuan dan apakah sebab tuan menjadikan beliau sebagai idola?

DNK : Idola saya ini bertukar-tukarlah. Masa kecil-kecil lain masa besar-besar lain yang saya ingat yang utama sekali masa kecil idola saya ialah abang saya. Sebab ayah saya meninggal daripada kecil lagi selain pada ialah ibu itu bukan setakat idolalah lebih pada itu kan. Tetapi, sebagai kita panggil tempat untuk kita mendapat contoh mendapat sumber inspirasi itu pada abang saya. Iaitu arwah abang saya ini saya ikut apa yang dia suruh yang saya rasa lagi cukup manisnya dia nak suruh saya jadi *engineer* [jurutera], jadi nak jadi *enginnee* [jurutera] kena pandai sains. Saya daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah sains lah yang paling teruk sekali haha (ketawa). Jadi, memang tidak boleh memang dah sampai *form 3* [tingkatan 3] saya tidak boleh masuk sains *strain* [tulen] D dalam sains *they said* [mereka cakap] tetapi daripada situ [di situ] saya rasa perjalanan saya kepada perakaunan dia yang aturkan dia kata " *kalau macam tu pergi ambik commerce [perdagangan] ataupun perdagangan dan di situ akan belajar akaun*". Jadi kita belajar, daripada situ [di situ] lah juga sebab apa nak masuk UiTM [Universiti Teknologi MARA] sangat sebab abang saya belajar di UiTM [Universiti Teknologi MARA] haha (ketawa) jadi kita ikut idola kita betul-betul jadi bila kita dah besar dan kita dah rasa kita boleh buat keputusan sendiri dan kita rasa nampak yang sebenar benarnya idola kita semestinya Rasulullah Sallahuilahiwasalam [Sejahtera Keatas Nabi SAW]. Jadi, nak *achieve* [capai]

ke tahap dia itu memang tidak boleh tetapi Allah kata di situlah kita tengok sebagai contoh, tidak banyak pun sikit pun tidak apa lah. Jadi, kekal masih lagi dia sebagai idola tetapi sepanjang itu dia adalah seorang Rasulullah seorang yang maksum jadi kita akan tengok lah orang yang hampir dengan dia sirah rasul para-para sahabat baginda yang itu sebagai contoh kita. Sebagai contoh, bagaimana Ali pesan kepada umat islam pada masa itu, *“kalaulah belajar yang pertama ibu dan bapa yang kedua ialah taat kepada guru anda”*. Jadi kita pegang yang itu, jadi kita ambik daripada apa yang di suruh oleh Rasulullah dan para sahabat. Jadi bila sebut pasal idola itu yang saya ingat yang kecil-kecil masa itu abang saya lepas itu Rasulullah lah yang sepatutnya.

MS : Apakah pekerjaan dan jawatan tuan sekarang?

DNK : Sekarang ini selepas saya habis menjadi Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan dan Industri [PJI], saya balik kepada fakulti dan berkhidmat pada fakulti dalam beberapa aspek dalam masa yang sama saya berkhidmat pada universiti dalam beberapa jawatan Jawatankuasa Peringkat Negeri, Jawatankuasa Kesepakatan, Jawatankuasa Penyelidikan Negeri, Jawatankuasa Akademik Negeri dan juga pengerusi bagi penilaian harga untuk buat kontrak dan sebagainya. Itu adalah khidmat yang saya rasa yang diperlukan oleh Universiti Teknologi MARA [UiTM] dan saya rasa bertanggungjawab untuk melakukan. Tetapi, untuk tugas harian saya selain daripada menjadi pensyarah di Fakulti Perakaunan, saya juga menjadi apa yang saya berada di bilik ni menjadi Koordinator kepada PERC. P-

E-R-C ini *stand for* [rujuk kepada] *Poverty Eradication Research Center* [Pusat Penyelidikan Pembasmian Kemiskinan] iaitu saya balik kepada taman yang saya suka sekali iaitu penyelidikan. Tapi perspektif saya penyelidikan perspektif saya di sini hanya lah untuk mencari kaedah kaedah bagaimana untuk membasmi kemiskinan. Okay [baiklah], jadi maksudnya rapat dengan masyarakatlah. Bagaimana masyarakat memerlukan kita cuba fikir kan dan kita cuba keluarkan model-model yang membolehkan mereka untuk mencapai dari segi ekonominya dari segi sosial mereka. Jadi, itu yang saya pegang sekarang ini sehingga hujung tahun hadapan.

MS : **Apakah skop tugas atau bidang jawatan tuan sekarang?**

DNK : Skop tugas saya dalam sebagai Koordinator P-E-R-C [Poverty Eradication Research Center] ini ialah untuk memperbanyakkan penyelidikan-penyelidikan berkaitan dengan kemiskinan, berkaitan dengan penyelidikan kemiskinan. Kemiskinan ni *buke* [bukan] sekadar luar bandar sekarang ini di bandar pun ada kemiskinan. Jadi kita melihat isu-isu tersebut dan mengumpulkan para-para pensyarah yang berminat dalam bidang tersebut untuk kita buat penyelidikan dan untuk mendapatkan geran-geran. Selain pada itu juga, kita buat perundingan pada jawatankuasa kampung yang kita lihatkan boleh membantu mereka dari segi pembangunan ekonomi mereka. Begitu juga kita juga fokus pada projek-projek yang kita mendapat geran daripada agensi-agensi kerajaan mahupun agensi-agensi bukan kerajaan yang sama-sama berusaha untuk pembasmian

kemiskinan. Secara umumnya fokus kami ataupun fokus penyelidikan yang saya ada sekarang ini ialah berkaitan dengan keusahawanan sosial, penyelidikan inovatif pertanian dan apa yang kita panggil *cultage industry* [industri kultur] atau industri tepi rumah. Industri kecil-kecilan.

MS : Apakah bidang yang diminati oleh tuan sekarang dan apakah istimewanya dengan bidang itu?

DNK : Saya masih kekal dengan keutamaan akademik saya iaitu ada dua [2] fokus iaitu balik kepada subjek utama saya pengurusan, Perakaunan Pengurusan *Management Accounting Information System* [Pengurusan Perakaunan Sistem Maklumat]. Macam anda berdua belajar dalam *Information Management* [Pengurusan Maklumat], dalam perspektif saya dia nya sebenarnya hampir sama dengan apa yang di pelajari oleh anda sekalian. Tetapi, saya memberi fokus kepada maklumat perakaunan, mungkin bagi pelajar IM [Information Management] dia melihat secara keseluruhan. Tetapi, saya hanya beri fokus kepada - sebab itu lah saya, kita *specialization* [pengkhususan]. *Specialization* [pengkhususan] kita fokus kepada *Management Accounting Information* (Pengurusan Maklumat Perakaunan). Jadi bila saya bersembang bercakap dengan rakan-rakan daripada pensyarah IM [Information Management]. Konsep yang sama tetapi saya melihat pada perspektif untuk keperluan maklumat perakaunan untuk membuat keputusan dalam perniagaan. Jadi saya melihat dalam perspektif itu, jadi banyak teori-teori yang diajar yang dipelajari di

peringkat pengurusan *knowledge management* [pengurusan ilmu] pengurusan maklumat atau pengetahuan yang kita ambil dan diadaptasikan dalam perakaunan pengurusan. Pada masa sama juga, saya memberi fokus kepada *Management Control System* (Pengurusan Sistem Kawalan) iaitu kedua-dua [2] topik ini saya sudah mempunyai pelajar yang PhD yang telah bergraduan dan mendapat doktorit dalam kedua-dua [2] bidang tersebut. Iaitu memberi fokus kepada satu [1] bagaimana nak menyediakan maklumat perakaunan kepada sektor awam di Malaysia dan satu lagi melihat dari segi macam mana kawalan yang perlu dilakukan di sektor perkhidmatan. Jadi, kedua-dua [2] tersebut menjadi satu [1] yang saya masukkan dalam penyelidikan penyelidikan yang saya lakukan bersama dengan rakan-rakan. Sebagai contoh, apa yang saya lihat sekarang ini ialah berkaitan dengan pembasmian kemiskinan. Jadi saya meletakkan saya memberi fokus penyelidikan saya kepada bagaimana menyediakan maklumat perakaunan di peringkat kecil-kecilan perniagaan mikro yang boleh membantu mereka untuk meningkatkan perniagaan mereka. Bagaimanakah pemantauan ataupun kawalan perlu ada oleh peniaga-peniaga mikro sehinggakan dia boleh berjaya dalam perniagaan mereka. Jadi, di situ saya menggunakan *specialization* [pengkhususan] saya dalam bidang itu untuk kegunaan masyarakat ini

MS : Apakah cabaran dan rintangan yang tuan lalui serta capai semasa

berkhidmat dengan institusi ini?

DNK : Cabaran dan rintangan banyak tetapi saya meletakkan satu [1] perspektif dalam diri saya ialah setiap cabaran dan rintangan itu kita melihat dalam bentuk positif. Kita melihat bahawa ianya boleh di selesaikan. Ehemmm (batuk). Sebagai contoh, ehemmm (batuk) pada awal-awal penyelidikan yang kita nak lakukan cabaran besar sekali ialah kita tidak mempunyai dana untuk membuat penyelidikan. Setiap penyelidikan yang perlu di lakukan mesti ada dana kewangan. Daripada situ, bermulalah proses kita meminta memohon dana, memohon dana daripada orang lain ini. Bukan minta lima ribu ringgit malaysia [RM5000] dapat lima ribu ringgit malaysia [RM5000], minta seratus ribu ringgit malaysia [RM100,000] dapat seratus ribu ringgit malaysia [RM100,000] dia ada proses yang panjang hmmm (batuk). Yang mana mempunyai cabaran-cabaran, cabaran yang besar sekali ialah kita nak meletakkan nak memahamkan mereka bahawa *research* [kajian] yang kita lakukan ini dikehendaki oleh mereka. Bila dia boleh faham benda itu dan dia akan memberi dana untuk di lakukan. Paling terdekat sekali, apa yang saya dapat ialah dana daripada FAMA [Federal Agricultural Marketing Authority], daripada syarikat-syarikat tertentu yang melihat bahawa dia boleh kita boleh membantu mereka untuk menyelesaikan masalah mereka. Jadi cabarannya ialah cuba memahamkan betapa pentingnya penyelidikan dalam proses *research and development* [kajian dan pembangunan] sesebuah institusi ataupun jabatan. Jadi rintangan yang saya hadapi banyak kepada perkara tersebut tetapi yang satu [1] juga yang saya rasa

telah kurang rintangannya ialah daripada para penyelidik sendiri para pensyarah sendiri yang mana tidak bersedia untuk membuat penyelidikan. Tetapi, sekarang ini rata-rata mereka melihat bahawa ini adalah satu kepentingan yang cukup nyata dan besar lebih-lebih lagi faktor kenaikan pangkat di lihat dalam segi penyelidikan yang di lakukan. Jadi, dulu tidak nampak, sekarang ini dah nampak kepentingan tersebut. Jadi, bila cabaran kita hadapi kita *take one at moment* [ambil satu ketika], in sha allah *at the end* [pada akhirnya] kita akan *success* [berjaya].

MS : Apakah kenangan manis dan pahit tuan semasa berkhidmat di sini?

DNK : Haha (ketawa). Bila ada pahit akhirnya akan ada manis haha (ketawa). Saya kembali apa yang nyatakan dulu iaitu pahitnya untuk kita laksana sesuatu yang kita lihat mungkin kita tidak berjaya untuk kita melaksanakan. Dia pahitnya ialah di mana kita tidak ada *confident* [keyakinan], *individual confident* [keyakinan individu], *personal confident* [keyakinan peribadi] kita tidak ada motivasi secara dalaman untuk lakukan sesuatu. Tetapi, manisnya ialah kita bila kita melihat hasil-hasil yang kita dapat lalui. Contoh yang paling *obvious* [jelas], *every semester I will get a student that graduated* [setiap semester saya akan mendapat pelajar yang lulus], *every year I get my click that accept or receive phd qualification* [setiap tahun saya mendapat klik yang terima atau menerima kelayakan phd]. *So* [jadi], itu saya bagi saya pahit untuk mereka untuk kami sebagai pengurusan tertinggi untuk menentukan bahawa tahap di capai itu perlu

di capai apa kita panggil Key Performance Indicator (Petunjuk Prestasi Utama) prestasi itu mesti dicapai. Tetapi, memang susah untuk dicapai tetapi *we have to plan* [kita perlu merancang], *we have to strategize* [kita perlu membuat strategi]. Okay [baiklah], *ending* [berakhir] nya yang itulah bagi saya yang manis. Personal [peribadi] pahit manis itu ada, tetapi saya rasa bincang di luarlah.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: SEJARAH BANGUNAN

RS : Boleh terangkan sedikit, apakah sebenarnya bangunan ini?

DNK : Apa yang kita lihat sekarang ini bangunan kampus, bangunan di kampus UiTM Machang ini yang telah melalui beberapa fasa pembinaannya, beberapa fasa bermula dari tahun 80-an [1980] sehinggalah sekarang. Sebelum saya menceritakan ataupun menerangkan keadaan bangunan di sini yang saya rasa elok juga para pelajar, para pensyarah, para staff disini memahami ataupun mengetahui bagaimanakah bangunan yang kita ada pada sebelum itu, iaitu pada permulaan UiTM [Universiti Teknologi MARA] di Kelantan ini ialah pada tahun, pertengahan tahun *lapan puluh lima* [1985] iaitu 1 Julai 1985 yang diadakan di bangunan sementara di kem kijang. Kerajaan persekutuan memberi dana sebanyak satu perpuluhan lima juta ringgit malaysia [1.5] juta dan diperingkat kerajaan negeri memberi tempat menumpang di kem kijang iaitu kem pengakap negeri Kelantan. Daripada situ apa yang kita ada ialah bangunan-bangunan kayu, bangunan deretan kayu, beberapa deretan, beberapa bangunan dan juga kalau tak silap saya beberapa asrama, untuk asrama lelaki dan juga asrama perempuan pun dibina dengan konsep kayu. Bangunan tersebut betulah baru tapi kayu, nama lagi kayu kan sampai dua [2] tiga [3] tahun anai-anai biasa yang itu. Tetapi disitu juga yang pengalaman ataupun yang nostalgia saya di kem kijang ialah kami ada - oleh kerana dah tak cukup bangunan ini kita minta pula dengan pengakap minta ada bangunan di sebelah tempat kami itu ada bangunan yang digunakan untuk program-program pengakap kita mohon untuk

dapat dan dibenarkan. Dapat pun, dapat kena sewa juga dan saya masih ingat lagi saya mula-mula mengajar di UiTM [Universiti Teknologi MARA] ini pada tahun *sembilan belas lapan puluh enam* [1986] itu, saya mengajar di kelas tersebut, ini nak tengok bahawa betapa gah kita sekarang ini dan betapa seksanya kita daripada dulu [dahulu] iaitu bangunan dia pernah tengok tak cerita 'P.Ramlee' yang mengajar, yang ada proses 'seniman bujang lapok' tak silap saya (Ketawa) yang bangunan dia itu papan (ketawa) dibawah jaring itukan, yang tiga orang itu belajar ha, jin dan sebagainya. Itulah pertama kali saya mengajar di bangunan tersebut jadi bila saya sampai itu masya allah inikah bangunan yang dikatakan sebuah institut pengajian tinggi tetapi bagi saya sebenarnya saya telah melalui benda itu masa saya belajar diploma di perlis iaitu kita menumpang juga dan keadaan dia taklah seteruk itu tapi tetapi tahulah dengan asas menumpang macam mana kita menumpang di sekolah-sekolah sahaja tetapi itulah sejarah sebenar berkaitan dengan bangunan yang kita dapati iaitu kita beroperasi selama sepuluh [10] tahun disitu daripada mula itu la proses untuk pembinaan di Machang ni berlaku daripada tahun *sembilan puluh enam* [1996] sedikit demi sedikit pembinaanya bermula kalau tak silap *sembilan belas* [19] hujung 80-an [1980] dan sehinggalah *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] kita dapat duduk disini, itu pun dalam proses yang cukup kritikal untuk menduduki dan bila berada disini barulah kita merasai *first time ever* [pertama kalinya] kita mempunyai auditorium seluas tiga ratus [300] orang pelajar yang boleh hadir sama sekali, *no sorry* [bukan maaf] masa itu tak ada yang itu fasa

ketiga di blok D, fasa ketiga tak ada lagi. Kita ada *classroom* [kelas] sahaja yang paling besar HRD [Bilik kegunaan pelajar] tu je [itu sahaja] yang lain kecil-kecil sahaja. So [jadi] kita mengambil masa lebih kurang *dua puluh* [20] tahun baru kita boleh merasai *a real university* [sebuah university sebenar] punya *nature* [sifat] ada *lecture hall* [dewan kuliah] dan sebagainya. Jadi di UiTM [Universiti Teknologi MARA], di kampus Machang sendiri ia mempunyai beberapa fasa, saya boleh nyatakan disini fasa pertama yang kita ada ialah Blok Pentadbiran, Blok Akademik A dan B, Kolej Tengku Abdul Rahman, Kolej Tun Razak satu untuk lelaki dan satu untuk perempuan dan satu lagi ialah Dewan Pro [Dewan Professional], yang itu ada sebab dewan pro itu untuk sukan sebenarnya itu yang kita ada, itu adalah fasa pertama. Fasa kedua, tahun saya rasa lebih kurang tahun *dua ribu* [2000] ataupun awal sedikit iaitu kita ada kolej Tho [Tun Hussein Onn] dan kolej Dato Onn, dua [2] beranak itu Hussein Onn (ketawa) dengan Dato Onn yang itu dan perpustakaan, perpustakaan yang kita ada sekarang ini *dulu* [dahulu] ini perpustakaan tempat yang kita duduk ini di *level* [aras] bawah yang sekarang ini PJI [Pusat Jaringan Industri]. *Lepas tu* [Selepas itu] fasa ketiga Blok C yang banyak untuk AD, Blok C Akademik dan Pusat Pelajar *somewhere* [dimana] tahun *dua ribu tiga* [2003], *dua ribu lima* [2005] macam itu dan fasa keempat ialah Kolej Tdm [Tun Dr Mahathir] dan Blok D akademik rasanya dimula buat pada *dua ribu enam* [2006] macam itulah, *dua ribu lapan* [2008] dia siap *dua ribu sembilan* [2009] macam itu dia siap. Tetapi, *out of all* [daripada semua yang] saya lihat blok-blok Kolej Tdm [Tun Dr Mahathir] dan

Blok D yang cepat kita boleh duduk. Fasa tiga [3] Blok C dan Pusat Pelajar itu memang *problem* [masalah], dia ambil masa yang lama *problem* [masalah] kontraktor jadi kita ada beberapa fasa, jadi sehingga sekarang kita menunggu fasa kelima dan malah kita dah ada satu peringkat dulu kita dah buat *planning* [perancangan] daripada kita ada *somewhere* [dimana] dua ratus [200] hektar lagi dibelakang itu untuk menyediakan kolej-kolej, fakulti-fakulti tetapi tulah [itulah] dah dua [2] Malaysia *plan* [rancangan] sepuluh [10] tahun yang lepas kita tak ada pun pertambahan kecuali pertambahan yang kita adalah pada *dua ribu lapan* [2008] tak silap saya kita ada buka kampus kota. Sekarang ini kita ada kampus tetap kota, dulu [dahulu] pun sementara juga. Jadi itulah proses-proses kalau di Machang mulai empat [4] fasa ini.

RS : Apakah alamat dan nama penuh bangunan ini?

DNK : Alamat kita pada asalnya ialah Batu 6, Jalan Machang Pasir Puteh yang itu tetapi yang *official* [rasmi] yang kita ada sekarang ini ialah UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang, Bukit Ilmu, Machang, 18500. Sebab bila kita itu, kita tak perlu dah jalan Machang-pasir puteh dan sebagainya sebab Bukit Ilmu tu sudah menjadi satu yang *prominent* [menonjol] dah tiada tempat lain di Machang dah kecuali di sini.

RS : Berapakah usia bangunan ini?

DNK : Yang itu dia betul-betul mengikut fasa, yang kita kata fasa pertama itu dah

hampir dua puluh [20] tahun daripada *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] hingga *dua ribu lapan belas* [2018] kan iaitu dua puluh dua [22] tahun yang lain tu dia mengikut fasa-fasa dan yang terkini sekali Tdm [Tun Dr Mahathir] dengan Blok D saya rasa kurang lebih dalam masa sepuluh [10] tahun yang lepas.

RS : Bagaimanakah boleh teretusnya idea ingin membuka bangunan ini dan mengapa bangunan ini ditubuhkan?

DNK : Dia penubuhan UiTM di Kelantan ini pun dia sudah ada fokusnya ialah kepada sebuah kampus yang tetap cumanya atas jasa baik ataupun atas tanah yang dibenarkan oleh kerajaan negeri. Pada satu masa dulu [dahulu], dia memang nak bagi, kita nak kata kita nak ambik kem kijang tapi dia kata *area* [kawasan] itu kecil je [saja] jadi dia *offer* [tawarkan] beberapa tempat apa yang saya fahamkan di Bukit Anjing ni ialah tempat yang dia nak pindahkan kem kijang ke sini, maksudnya kem pengakap di sini tapi jumlah dia, *area* [kawasan] dia besar jadi mungkinlah setelah perbincangan berlaku dia kata *why not* [kenapa tidak] UiTM Kelantan ambil tanah disini. Jadi saya rasa disitulah proses maka berlakunya walaupun kita mula-mula ditubuhkan pada 1 Julai 1985 itu sudah ada indikasi bahawa kita akan ada kampus tetap di Machang. Pada masa itu, perancangan ini ialah cadangan daripada persekutuan tetapi penempatannya ialah keputusan kerajaan negeri, maka kerajaan negeri telah memberi kawasan seluas tiga ratus [300] hektar tak silap saya lima ratus [500] ekar yang dipanggil nama jolokan

disini Bukit Anjing, Kampung Belukar Machang disitulah tempat kita tetapi nak bagi *glamour* [terkenal] kita tukar anjing itu kepada Bukit Ilmu.

RS : Siapakah yang memberi idea untuk menubuhkan bangunan ini?

DNK : Saya menjangka penubuhan kampus adalah daripada kerajaan persekutuan dan disokong oleh kerajaan negeri dan disinilah tempat yang diberikan. Dari segi bangunan, bila dah dibenarkan untuk dibuat kampus disini maka bangunan yang kita ada sekarang ini hasil seni bina dan sebagainya atas keputusan Kementerian Pelajaran pada masa tersebut yang mana pada biasanya dia akan keluarkan tender dan mengemukakan siapa yang nak buat kontrak ini dan memberi cadangan seni binanya. Jadi saya rasa disitulah ideanya bangunan yang kita ada sekarang ini adalah hasil daripada kontraktor yang memohon untuk membuat bangunan UiTM [Universiti Teknologi MARA] disini, jadi itulah yang saya rasa yang saya fahamlah.

RS : Siapakah yang merasmikan Bangunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini?

DNK : Kita secara rasminya ditubuh UiTM [Universiti Teknologi MARA] pada 1 Julai 1985 yang dirasmi oleh Menteri Besar pada masa tersebut Tan Sri Muhammad bin Yaakob. Tetapi untuk perasmian kampus Universiti cawangan Kelantan kampus Machang ini telah dilaksana, telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha

Mulia Al Sultan Kelantan, Cuma tahunnya saya rasa selepas dua [2] atau tiga [3] tahun kita duduk disini *somewhere* [sekitar] *sembilan belas sembilah puluh lapan* [1998], *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999] macam itulah.

RS : Berapakah anggaran jumlah pekerja yang terlibat dalam proses mewujudkan bangunan ini sehingga tersergam indah?

DNK : Prosesnya sekali lagi dia mengikut fasa-fasa tapi untuk yang proses pertama itu ialah jumlahnya saya tak boleh nak jangka tapi kita kena faham ia adalah satu bangunan diantara bangunan yang terbesar di seluruh Kelantan pada masa itu iaitu satu bangunan pentadbiran yang besar tiga [3] komponen kita ada Dewan Professional, kita ada dua [2] kolej, kita ada dua [2] bangunan akademik jadi ia adalah jumlah yang besar, saya percaya ia merangkumi lebih seratus [100] orang. Dan seterusnya kita ada apa kita panggil jumlah-jumlah di fasa-fasa lain pun memang banyak, memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

RS : Berapakah jumlah bilangan pelajar pada fasa pembukaan bangunan UiTM ini dan berapakah jumlah kos yang ditawarkan?

DNK : Kursus yang ditawarkan pada masa tersebut hanyalah DIA [Diploma in Accountancy], DIB [Diploma in Business], DBS [Diploma Business Secretary] dan AD [Art Design]. AD [Art Design] itu dia ada tiga [3] Seni Halus, Seni Logam dan Tekstil. Jumlah saya anggarkan tidak lebih dua ribu [2000] orang

pada masa pertama itu.

RS : Berapakah fakulti yang wujud ketika fasa permulaan operasi UiTM ini?

DNK : Di Machang ini kita ada tiga [3] fakulti, Fakulti Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Fakulti Seni Lukis, Seni Reka. Itu yang kita ada, sekarang ini memang banyaklah.

RS : Adakah tanah untuk pembinaan bangunan ini dibeli atau bagaimanakah perolehannya?

DNK : Sepertimana saya beritahu tadi, dia [tanah] adalah pemberian daripada kerajaan negeri Kelantan cadangan daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Kelantan menyediakannya. Malah, apabila kita ada perbincangan seterusnya memang kerajaan negeri Kelantan bersedia untuk memberi penempatan-penempatan ini sebab dia percaya bila ada sesebuah universiti perkembangan sosial dan ekonomi akan berlaku di tempat tersebut.

RS : Siapakah Ketua ataupun Provost yang pertama mengetuai operasi bangunan ini?

DNK : Untuk operasi bangunan di Machang ini ia telah diselenggara atau diselia oleh *Provost* [ketua] pada masa tersebut iaitu Professor Madya Tuan Haji Abdullah

Muhammad.

RS : Adakah bangunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini mempunyai sejarah yang tersendiri yang belum di ketahui umum?

DNK : *Dia* [UiTM] ada satu perkara yang kritikal semasa permulaan pembinaan UiTM Kelantan ini iaitu dalam fasa pertama mungkin banyak yang telah lupa benda ini pada mereka yang seumur sewaktu dengan saya ini memang kita masih ingat lagi keadaan iaitu yang kritikalnya *somewhere* [sekitar] *sembilan belas Sembilan puluh* [1990], semasa pembinaan itu berlaku tanah runtuh sehinggakan runtuhnya Highlands Tower di Kuala Lumpur sebab ia dibina di cerun bila berlaku yang itu, masa itu kita bina TAR [Kolej Tunku Abdul Rahman] dengan TR [Kolej Tun Razak] kan dia cerun. Saya masih ingat lagi sebab pada masa itu saya buat lawatan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada masa itu Menteri Pelajaran datang *check* [periksa] juga, bukan *check* [pemeriksaan] datang buat lawatan juga. Jadi, nak teruskan atau tidak, kita dah buat *halfway* [separuh jalan] jadi kita kena buat proses uji, uji tanah dan sebagainya dan apabila *check* [periksa] semua itu *take about half year or one year* [mengambil masa sekitar setengah tahun atau setahun] disekat [dihalang] tak boleh buat kat [dekat] situ yang ini masih operasi tapi di atas atas Dewan Pro [Dewan Professional] semua dia [pembangunan] berhenti sehinggalah kelulusan menyatakan boleh buat barulah buat, alhamdulillah [bersyukur] sampai sekarang masih kekal maksudnya kelulusan pemeriksaan itu memang telitilah . Disitu saya rasa ramai orang tak

tahu, apa lagi yang tak tahu nya adalah tasik itu, dalam perancangan itu tiada tasik tiada langsung tapi kita – mungkin musim ini [keadaan hujan] itu kontraktor itu dia perhati [melihat] air bertakung kat [dekat] situ jadi dia [kontraktor] datang idea, dia [kontraktor] *create* [buat] satu kawasan gali luas sikit dan dijadikan tasik. Jadi proses air yang tinggi kat situ, air yang turun disana itu dia akan berhenti kat [dekat] sini dulu dan dia mengurangkan air jatuh ke sawah orang kampung, jadi dia boleh membantukan penanaman padi pada masa tersebut. Sebab kat [dekat] sini dia dah tahan. Satu lagi, dari segi sejarah Dewan Pro itu sekarang ini banyak *renovation* [pengubahsuaian], sebelum Tho di fasa kedua itu kita buat Tho sebelum Tho dibina dia ada *stream* [aliran] melalui di tengah-tengah dewan itu, dekat dengan jalan kita nak masuk dibawah dewan itu kat situ dia ada satu *stream* [aliran] laluan air tapi dulu dia bubuh [letak] dia masukkan *covelt* [penyambung] itu dan air daripada atas lalu kita boleh bunyi memang klasiklah (ketawa) sampai dia jatuh ke tasik yang kita ada dulu. Tapi bila pembinaan THO [Kolej Tun Hussein Onn] berlaku dia telah tutup jalan air, air tak lalu kat [dekat] situ dah. Apa lagi yang mistik pun ada juga (ketawa) yang itu tak payah [perlu] cerita, cerita di luar (ketawa).

RS : Kawasan apakah bangunan ini ditubuhkan dulu?

DNK : Di depan ini ialah penempatan orang kampung, depan bangunan akademik itu kawasan kampung, dulu kebun banyak durian dulu semua ada tapi saya difahamkan dulu adalah tanah kerajaan dulu kan dia pakai duduk [tinggal] je

[sahaja] macam itu tapi sampai satu ketika sebelum UiTM [Universiti Teknologi MARA] buat ini kerajaan negeri memberi tanah, tanah auerah kepada mereka yang duduk [menetap] ditepi-tepi itu sekarang ini bukan pemilik asal, orang dah beli dah dulu orang kampung dia jual balik, padahal dia tak tahu UiTM [Universiti Teknologi MARA] akan ada kat [dekat] sini. Kalau tidak—dia jual murah-murah satu lot, bila UiTM [Universiti Teknologi MARA] ada dua puluh ribu [20], tiga puluh ribu [30] sayang sekali. Jadi bila UiTM [Universiti Teknologi MARA] buat memang kat [dekat] sini dia ambik semula, tanah kerajaan selepas itu *I still remember* [saya masih ingat] sebelum UiTM [Universiti Teknologi MARA] jadi saya datang ke rumah kawan saya kat [dekat] bawah ini memang hutan dan belakang itu hutan setebal-tebalnya kalau orang kampung cerita itu tempat orang cari pelanduk, kijang, rusa jadi dia kata bila ada rusa di situ maka adalah *tigernya* [harimau]. Haha (ketawa) maksudnya tebal. Jadi penempatannya ialah penempatan orang kampung depan ini belakang itu tebal.

RS : Kenapa mesti memilih kawasan bukit sebagai tempat untuk bangunan Universiti Teknologi Mara (UiTM)?

DNK : *Very interesting question* [soalan yang sangat menarik] yang mana susah nak jawab tapi saya cuba jawab dari segi lokasi bangunan kita ini kalau kita tengok dari Kota Bharu enam puluh [60] km daripada – nak cerita daripada kenapa buat

di bukit daripada pekan Machang kita ialah lebih kurang enam [6] kilometer. Kawasan tempat kita pun *very* [sangat] klasik namanya mukim Belukar dan penempatan kita ini ialah dikenali sebagai Bukit Anjing, kenapa buat disini, kenapa kita pilih buat di bukit ini *very big question* [soalan yang sering dibangkitkan]. Betul-betul saya rasa atas pembangunan, *you just imaging* [bayangkan] tahun *lapan puluhan* [80-an] pembangunan kita boleh dikatakan majoriti luar bandar ini memang jauh beza dia dengan bandar. Di kelantan ini bandarnya ialah --- *even* [walaupun] Machang ini bukan bandar, luar bandar, bandarnya ialah Kota Bharu sahaja, di Pasir Mas pun *consider* [dianggap] sebagai luar bandar. Itu sahaja bandar jadi sebab apa berbukit dan sebagainya itu saya rasa faktor kerajaan saya masih ingat lagi zaman Tun Abdul Razak proses bagaimana dia hutan ini tukar menjadi kawasan-kawasan Felda. Itu adalah proses-proses sosial, kemasyarakatan dan juga ekonomi. Tapi kalau dari segi perspektif UiTM [Universiti Teknologi MARA] kita jangan tanya UiTM [Universiti Teknologi MARA], kita tanya mengapa kerajaan persekutuan memilih kawasan berbukit (ketawa) letih ini bukit ni basikal tak beberapa boleh naik kan, sebab saya rasa pertama kali pembangunan. Jadi dia pun *classified* [kelaskan] dekat mana tempat jadi sekarang ini kita katakan kerajaan negeri membenarkan tempat ini untuk dibangunkan, planning dia. Jadi disitulah-kita cuba tengok tempat-tempat lain, di Jengka (ketawa) di Lendu, di Merbok Kedah, mana-mana tempat *even* [walaupun] di Pulau Pinang pun dia bukan buat di pulau, dia buat di kawasan yang mana kawasan luar bandar yang belum lagi

membangun. Tapi memang betul perancangan dulu menyebabkan proses pembangunan yang lebih cepat di luar-luar bandar. Contoh yang paling kritikal mungkin tak perasaan melalui zaman saya UUM [Universiti Utara Malaysia], semua orang gelak UUM [Universiti Utara Malaysia] duduk di Sintok, sampai sekarang pun orang kata *duduk* [tinggal] dalam hutan, tapi disitulah hasil permulaan pembangunan disitu. Di Universiti Sabah sama juga, tapi dia tercantik, kampus yang tercantik tapi di luar bandar juga, tempat saya belajar dulu Arau, kampus tetapnya ialah kita panggil UiTM [Universiti Teknologi MARA] Perlis Estet Rani sebab dia beli satu bukit tu estet jadi kita panggil kita belajar kat mana, di estet Rani (ketawa) *Indian* [india] punya estet getah, *I still remember that* [Saya masih ingat lagi] kalau terlepas bas memang kena jalan kaki dua [2] kilometer dalam itu kalau petang lagi la seram (ketawa) tapi itulah sebuah pergobanan pada zaman dahulu yang menyebabkan sekarang ini kita nampak eh macam ini kan dan di kampus lebih sedikit sebab dia di tepi jalan besar (ketawa) banyak dalam, Segamat dalam lalu ikut kubur (ketawa) *so* [jadi] sejarah apabila kita kata memilih kawasan itu saya rasa ialah hasil pemberian kawasan kerajaan negeri dan kerajaan negeri telah merancang untuk pembangunan disitu maka telah diberi. Jadi kita macam terimalah dan jalankan pembangunan disini.

RS : Kenapakah dahulu kawasan ini yang dikenali sebagai Bukit Anjing telah

ditukar nama kepada Bukit Ilmu?

DNK : Bukit Ilmu itulah sebab dia ini gedung ilmu , tetapi Bukit Anjing asalnya bila tanya orang-orang kampung itu, dia kata masa kami memburu di kawasan ini dia kata banyak salakan anjing liar jadi mungkin satu tempat yang kawasan orang memburu yang mana biasa orang memburu dulu dengan anjing samada *chinese* [cina] ataupun *malay* [melayu] dan satu lagi mungkin kawasan ini kan salakan anjing ada kaitan dengan *mistik* (ketawa) tetapi saya rasa banyaknya kawasan hutan tapi dia mungkin anjing ada itu sebab dia pinggir kampung, anjing ni biasanya dia tidak duduk betul-betul dalam hutan.

RS : Adakah kawasan bandar tidak sesuai untuk mendirikan bangunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini?

DNK : Sama dengan jawapan tadi iaitu atas dasar pembangunan negara maka untuk pembangunan luar bandar dia melihat perspektif tersebut iaitu melihat membina universiti bukan sekadar Universiti Teknologi MARA [UiTM] sahaja, universiti-universiti lain pun dia mengasaskan benda tersebut. Tetapi semenjak awal ataupun akhir *dua ribu* [2000] tahun *dua ribu lima* [2005] kita dah ada satu polisi, kita dah ada di Lendu, di Jengka, di Johor Segamat sekarang ini kita akan buat kampus kota jadi sebab itulah di setiap negeri kita ada kampus kota jadi sekarang ni kita melihat bahawa kita bukan berada di universiti luar bandar sahaja malah kita ada pembangunan di kota-kota. *For example* [sebagai contoh],

yang terdekat sekali pada tahun lepas kita dah mempunyai kampus kota tetap di Kelantan iaitu di Lembah Sireh, Jadi mana-mana pun di Terengganu kita ada, di Johor pun kita ada kampus kota jadi segenap negeri sudah mempunyai kampus-kampus di kota selain dia mempunyai cawangan-cawangan lain. Macam di Perak masih ada lagi kampus baru dibuat di Tapah, tengok kerajaan negeri bagi satu ribu [1000] hektar ke satu ribu [1000] ekar dengan nilai satu [1] ringgit. Apa keuntungan kerajaan negeri ialah pembangunanlah kan tempat yang tak boleh yang tak habis, yang tak ada dana untuk pembangunan kerajaan persekutuan masukkan dana jadi pembangunan berlaku disitu, Jadi faktor tak sesuai dah kita rasa *relevancy* [perkaitan] di bandar dan sekarang ni kita ada kampus di kota-kota .Namun begitu, masih kekal lagi konsep iaitu konsep di luar bandar semata-mata untuk pembangunan sesebuah tempat.

RS : Berapakah luas kawasan ataupun lokasi bangunan ini?

DNK : Secara keseluruhan kerajaan negeri memberi kepada kita tak silap saya dua ratus lima puluh empat [254] hektar lebih kurang seratus [100] ekar yang kita ada sekarang ini saya boleh katakan satu pertiga [1/3] ataupun satu perempat [1/4] sahaja. Maksudnya, kita ada *another about* [lagi lebih kurang] empat ratus [400] ekar lagi. Semasa saya menjadi Timbalan Rektor dulu saya dikehendaki melihat pembangunan pagar untuk seluruh kampus sebab berlaku kecurian balak dalam kampus kita ini, berlaku banyak dah sangat-sangat tapi baru kita buat dan nak buat pagar adalah satu pahit maun juga sebab tanah berbukit-bukit jadi dihujung

sana-tanah kita dalam bentuk macam pukak kecil di depan, besar di belakang. Jadi yang dihujung sana, saya nak tengok yang hujung sana, saya tak boleh melalui ini [dalam UiTM] sebab hutan tebal saya kena pergi luar daripada situ dan terdekat sekali saya kena masuk dalam kebun getah orang dan hujung tanah UiTM [Universiti Teknologi MARA] ini ialah air terjun yang cantik tapi kita boleh buat apa-apa sebab kita tak boleh masuk daripada dalam, belum *develop* [dibangunkan]. Tapi kalau ada kat [dekat] situ cantik, memang cantik. Selepas itu, di hujung sana pula *another side* [sisi lain] pula saya pergi buat lawatan pun ada air terjun, jadi kita ada dua-dua air terjun yang mungkin bersambung ataupun tidak banyak orang kata tak bersambung tapi *we have the other side* [kita ada di sebelah sana], *we have the other side* [kita ada di sebelah sana] *just imaging* [bayangkanlah] kalau kita boleh buat kem pelajar-pelajar *is very nice but then* [sangat bagus tetapi kemudian] lepas TDM itu memang kita tak boleh buat apa-apa tiada bajet untuk teruskan sebab tu kita mengharapkan bajet sepuluh [10] tahun yang lepas untuk ada pertambahan disini tapi oleh kerana konsep kita buat kampus kota dan sebagainya jadi kos itu dia berbahagi kalau tidak saya rasa kalau kita kata *extend another one* [tangguk yang lain] ataupun macam kita buat satu jalan khusus untuk keliling itupun saya rasa memadai tapi itulah orang kata dulu [dahulu] jangan terkejut kalau ada *tiger-tiger* [harimau-harimau] dan sebagainya, gajah di *another side* [sebelah sana] (ketawa) tapi disini ini pernah orang tengok tapak harimau, beruang Malaya, tapi saya rasa mungkin semakin berkuranglah.

RS : Berapa lama masa yang diambil untuk menyiapkan bangunan UiTM ini?

DNK : Berbeza mengikut fasa, fasa pertama saya rasa paling lama antara lima [5] hingga lapan [8] tahun yang saya kata tadi sebab dia fasa yang besar dia terhenti disebabkan kejadian tanah runtuh di Highland Tower maka dia berhenti kejap [sekejap] dia *check* [periksa] dulu [dahulu] kecerunan dia ada *certain degree* [beberapa darjah] tak boleh tetapi yang kita dibawah *degree* [darjah] tersebut. Lain-lain fasa antara tiga [3] hingga lima [5] tahun yang cepat yang saya boleh ingatnya blok D dan TDM mengikut *planning* [perancangan] kurang daripada tiga [3] tahun.

RS : Apakah rintangan ataupun cabaran ketika menubuhkan bangunan UiTM ini?

DNK : Saya nampak cabaran yang utama sekali isu tanah runtuh, isu yang saya katakan Highland Tower tadi dan satu [1] lagi ialah isu kontraktor. Mana-mana fasa setengah fasa tak ada masalah tetapi ada setengah fasa itu menglaami masalah tersebut sehingga kita kena *offer* [tawar] kontrak yang baru jadi ia mengambil masa yang lama.

RS : Bagaimana pihak pengurusan mengatasi masalah tersebut dan apakah

langkah-langkah yang diambil?

DNK : Dalam pembinaan bangunan kerajaan persekutuan ini dia mempunyai peraturan-peraturan tertentu sebelum dia serahkan kepada pentadbiran kampus ia akan dikawal selia oleh Kementerian Pelajaran pemilik bangunan tersebut dan dilaksanakan oleh JKR, Jabatan Kerja Raya jadi sepanjang pembinaan tersebut pengurusan untuk projek ini adalah diselenggarakan bagi saya ada tiga [3], kampus induk Shah Alam ia tak ada kaitan dengan kita kat [dekat] sini, *Engineer* [Jurutera] daripada Shah Alam akan pantau yang itu mungkin mewakili Kementerian Pelajaran dan pihak pelaksana JKR [Jabatan Kerja Raya] dan Kontraktor. Jadi pemantaun itu dia ada beberapa perspektif, kontraktor buat tapi JKR [Jabatan Kerja Raya] pantau dan UiTM [Universiti Teknologi MARA] pun pantau.

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: REKA BENTUK BANGUNAN

MS : Bagaimana datangnya idea berkenaan dengan reka bentuk bangunan UiTM ini?

DNK : Macam mana saya nyatakan tadi reka bentuk bangunan ini datang daripada keputusan di peringkat induk di peringkat Kementerian Pengajian Kementerian Pelajaran pada masa tersebut JKR [Jabatan Kerja Raya] dan juga UiTM [Universiti Teknologi MARA] Shah Alam. Tetapi adalah di fahamkan kontraktor yang menangani projek ini adalah Zaki arkitek & Co. Dan dia merupakan pelajar bekas pelajar ITM [Institut Teknologi MARA], alumni UiTM [Universiti Teknologi MARA] so [jadi] dia kata " *I have given all my expertise my ideas on coming out with this design*" [saya telah memberikan semua kepakaran saya tentang ideaidea saya dengan reka bentuk ini] sebab itulah kita dapat pada masa itu tahun *sembilan belas lapan puluhan* [1980-an] bangunan sebegini ini merupakan bangunan yang cukup berbeza dengan bangunan universiti masa tersebut. Jadi bila dia datang sini, dia melihat keadaan struktur apa kita panggil tanah di kampus Machang ini, lahirlah reka bentuk yang kita ada sekarang ini, jadi dalam fasa pertama itu, ok [baiklah], dia ada cerita sebab tetapi saya tidak ingat sebab apa dia buat dalam bentuk *arrow* [panah] macam itu kan saya tidak ingat tetapi yang antara lainnya ialah itulah mercu tanda sebuah akademik untuk capai Machang tanah air itu, satu [1] untuk mencapai kejayaan, tetapi kalau kita tengok daripada secara keseluruhan itu, cara dia buat itu cukup cantik sebab dia kata "*saya bagi [beri] yang terbaik*"

kepada UiTM, I want to return back to UiTM” even [walaupun] lepas itu, kalau tidak silap saya, fasa keempat [4] itu, blok D itupun, dia juga, lepas [selepas] USM [Universiti Sains Malaysia], lepas itu dia dapat saya rasa, saya rasa mungkin silap saya di USM [Universiti Sains Malaysia] pun dia dapat juga. Maksudnya daripada sinilah dia mendapat *gaining popularity* [mendapat populariti] ataupun *success* [berjaya] untuk projek-projek seterusnya, Jadi lakaran-lakaran yang cantik yang berbeza daripada berlainan kampus-kampus UiTM [Universiti Teknologi MARA] MARA Universiti lain itu hasil daripada idea yang dia kata yang dia bagi balik kat UiTM [Universiti Teknologi MARA]. Jadi *we fail that* (kita gagal itu) walaupun dia bukan daripada UiTM [Universiti Teknologi MARA] Kelantan tetapi daripada UiTM [Universiti Teknologi MARA], dia satu [1] UiTM [Universiti Teknologi MARA] ini, sebut je UiTM [Universiti Teknologi MARA] rasa macam adik-bradik je [sahaja], macam itu, sebab kita merasai bahawa kita di kembangkan nilai-nilai professional kita ini di UiTM [Universiti Teknologi MARA]. *You just imagine* [awak hanya bayang] dulu orang kampung dulu pakai kain pelikat belajar di UiTM [Universiti Teknologi MARA] dengan berhingus lain tetapi boleh *gain the professionalism* [dapatkan profesionalisme] daripada orang kampung boleh jadi arkitek, boleh jadi akauntan *so that why* [jadi sebab] kenapa mereka ini alumni-alumni kita ini cukup rapat dengan UiTM [Universiti Teknologi MARA], kadang-kadang dia tidak suka panggil UiTM [Universiti Teknologi MARA], dia suka panggil ITM [Institut Teknologi MARA]. Sebab dia rasa ikatan dia itu kuat, komitmen dia

tinggi, sebab itulah bagi kita program alumni bukan kita nak minta wang dia, kita nak minta idea dia, kita nak minta *contribution* [sumbangan] dia dari segi memberi ruang untuk kita mendapat praktikal dan sebagainya, itupun memadai supaya konsep UiTM [Universiti Teknologi MARA] itu kekal daripada generasi kepada generasi yang seterusnya. Jadi, bila sebut idea itu *I still remember* [saya masih ingat] dia daripada Zaki arkitek & Co dan dia adalah alumni UiTM [Universiti Teknologi MARA].

MS : **Setiap blok bangunan UiTM mempunyai berapa tingkat?**

DNK : *This is interesting question* [soalan yang menarik], saya masih ingat lagi dari segi persoalan kita berkaitan mengapa tidak ada lif di kolej, sebab rata rata kat sini, masa kita buat fasa pertama tadi itu, kita buat dalam empat [4] tingkat dan empat [4] tingkat itu faktor utamanya ialah tanpa lif. Tetapi cuba kita tengok di setengah-setengah TAR [Kolej Tunku Abdul Rahman] ataupun TR [Kolej Tun Razak] kan dia ada sampai enam [6] tingkat kan, cuba kita tengok perhati [melihat] betul-betul, *this is argument* [ini adalah hujah] yang di buat oleh arkitek pada masa itu, dia kata “*you just* [awak hanya] betul lah daripada bawah itu naik, tetapi bila kita nak masuk itu kita datang bukan daripada bawah, kita daripada tengah, satu [1] naik atas tiga [3] tingkat ataupun empat [4] tingkat turun dua [2] tingkat ataupun tiga [3] tingkat. Jadi, mana ada enam [6] tingkat” dia kata, tetapi bentuk dia adalah enam [6] tingkat. Tetapi, cara kita nak masuk

itu beza. Di situ *uniqueness* [keunikan] kita punya bangunan lebih-lebih lagi di apa kita panggil kolej. Dia ada syarat dia kalau lebih berapa tingkat kena wajib ada lif. Saya rasa dia *reduce on that* [mengurangkannya], dia kurang kan faktor itu, faktor kalau kita tengok pada sekarang ini perlukan pada kesihatan *you have to walk and so on* [anda perlu berjalan dan sebagainya] saya rasa ada baiknya, ada baiknya cumanya yang tidak baik kepada pakcik-pakcik yang lima [5] series [siri], nak naik tingkat empat [4] itu pun dah saya kena stop [berhenti] kejap, naik. Tetapi, *that said* [mereka cakap], benda-benda yang kita boleh *achieve* [capai] lah.

MS : Kenapakah blok pentadbiran UiTM berbentuk unik dan adakah ianya mempunyai maksud yang tersirat?

DNK : Saya masih ingat lagi perbincangan atau penerangan yang dilakukan, ada tetapi saya tidak ingat *content* [kandungan] dia itu. Tetapi secara peribadi apa yang saya lihatnya ialah satu [1] yang kemegahan ataupun kesejanaan akademik itu, *you just imagine* [awak hanya bayang] bila *you* [awak] masuk itu *that entrance* [pintu masuk itu] bila *you* [awak] boleh masuk *you just imagine* [awak hanya bayang] bila mula *you* [awak] masuk hari pertama and *you* [awak] tengok itu satu lambang yang besar. *So* [jadi], di situ nampak *there* [mereka] apa kita panggil keserjanaan akaedmik. *Entrance serve and then* [masuk dan kemudiannya], *the beauty is that* [kecantikan itu] dia punya *layout* [lakaran], dia punya *layout* [lakaran]. Kita punya Rektor yang Dato' Hussin dulu [dahulu] itu,

dia cukup suka dengan *environment* [alam sekitar] ini. Dia “*keep on saying we have to make ensure that environ*” [terus mengatakan bahawa kita perlu memastikan bahawa alam sekitar] maksudnya persekitaran akademik ini ialah macam akademik. Saya boleh tengok [lihat] macam ini, bila *you* [awak] tengok kat situ [di situ] *and then* [dan kemudian] di hujung sana nampak bangunan apa kita panggil kolej, bila *you* [awak] masuk itu *that entrance* [pintu masuk itu] itu, kita boleh keadaan suasana yang berbeza. *At one point* [pada satu ketika], di luar pagar itu ialah sebuah kawasan luar bandar yang kecil tetapi bila *you* [awak] masuk dalam itu bila *you* [awak] masuk dalam kampus. *As if you* [seolah-olah awak] ,*we fail that you are in the new world* [kami menyatakan bahawa anda berada di dunia baru], *in different world* [di dunia yang berbeza] iaitu *different* [berbeza] akademik *world* [dunia]. Sebab itu saya beritahu ke *student* [pelajar] saya, tidak apa *it's okay* [tidak apa-apa] *you* [awak] duduk di machang, betul. Tetapi bila *you* [awak] duduk dalam kampus, *you are not in* [awak bukan di] machang, *you are same as you* [awak sama seperti mana awak] duduk di mana, harvard, duduk di Cambridge, *that is the situation* [itu keadaannya]. Yang mana tidak ada diluar. Kita punya *surrounding* [sekitar], tetapi memang betullah keluar itu ataupun tepi itu nampaklah monyet and *so on* [sebagainya] nampak *so ever* [jadi pernah]. Tetapi, *that environ* [bahawa alam sekitar] persekitaran sekeliling itu adalah di mana-mana kampus di seluruh Malaysia mahupun di seluruh negara di seluruh dunia macam itu. Saya ambik *experience* [pengalaman] saya di Scotland. Scotland ini dia punya berlandaskan bangunan-

bangunan *castle* [istana] istana-istana dan kawasan dia penuh dengan kawasan yang cantik ada tasik, ada *monument* [monument], ada bangunan-bangunan moden, ada bagnunan-bangunan lama. So [jadi], suasana itu yang menyebabkan kita rasa *we are in* [kita di dalam] universiti punya *environment* [alam sekitar]. Jadi, sama di sini, jadi bila katakan keunikan yang kita ada sendiri di kawasan ini, dia adalah untuk meletakkan bahawa *well you are here* [baik anda berada di sini], *you are similar to other places in the world related to academic* [anda sama dengan tempat lain di dunia yang berkaitan dengan akademik]. Itu kita nak bagi rasa, tetapi itulah tidak sedaplah *duk mache* [tinggal Machang] apa la, *well you put in that way* [baik anda letakkan dengan cara itu]. Tetapi, *how you have been changed in term of your knowledge* [bagaimana anda telah berubah dari segi pengetahuan anda] kita *take consideration* [mengambil pertimbangan] tetapi ingat satu [1] lagi ialah pada masa dulu untuk dapatkan pendidikan sebegini. Apa yang kita perlu lakukan ialah kita kena keluar daripada Kelantan. Kita kena pergi jauh atau pun proses yang saya *still remember at that time* [masih ingat pada masa itu], saya kena berpindah ke tempat yang lain. Tetapi di tempat itu, tempat tersebut dia ada pembinaan yang khusus yang menyebabkan kita melaksanakan duduk di mana-mana pun pendidikan atau pun akademik itu tetap kekal. So [jadi], itu saya rasa boleh *composite* [berlawanan] lah *denge duk kampung* [dengan tinggal kampung] masih kita dapat ilmu yang kita nak. Sekarang ini, *even* [walaupun] *PhD student* [pelajar] pun ada kat sini. *It not only* [ia bukan sahaja] diploma, *PhD student from* [pelajar daripada], *so you can see*

the differences [jadi anda boleh melihat perbezaannya] daripada diploma PhD *it is in here* [ia ada di sini]. UiTM [Universiti Teknologi MARA] Machang.

MS : Apakah keunikan roundabout depan blok penadbiran UiTM?

DNK : Sebelum saya nak tambah itu, satu [1] lagi daripada struktur pembentukan keunikan, *you* [awak] tengok [lihat] blok D, *I like* [saya suka] the bangunan *of court* [mahkamah]. Dia kan dalam bentuk lingkungan tengah-tengah itu macam ada taman kan. *I wish that* [saya berharap itu] di tengah-tengah itu dia buat *fountain* [air pancut] lah, air apa kita panggil macam burung-burung duduk [tinggal] kat situ. Air *gapo* [apa], *fountain* [air pancut] tempat air pancut. Cuba *you* [awak] tengok mana-mana universiti zaman Andalusia reka bentuk dia macam itu. Reka bentuk di Andalusia, di Persia, di Iran, di India yang mana kalau sebuah universiti islam dia dalam bentuk lingkungan macam ini. Sama macam ini. Jadi saya rasa ciri-ciri gedung ilmu zaman kegemilangan islam ada di blok D. Cumanya tidak jadi nya *okay* [baiklah] lah haha (ketawa). Jadi dia punya karekter itu ada. Berbalik kepada *roundabout* [bulatan] ini, dia balik kepada kita kata tadi, dia itu duduk macam jaring macam itu kan, jalan yang mana depan ni kecil *and then* [dan kemudian] dia besar ke situ. Jadi, *for you to go outside there is good for us to have a roundabout that you can go that way and you can go that way* [bagi awak untuk pergi ke luar ada baik untuk kami mempunyai bulatan yang awak boleh pergi dengan cara itu dan awak boleh pergi dengan cara itu]. Sebab kita semakin besar macam itu, jadi punca dia kat [dekat] situ, tetapi apa yang saya lihat betul-betul ialah *effort* [usaha] yang di

buat oleh Dato' Hussin, Rektor kita dulu dan meletakkan itu sebagai *roundabout* [bulatan] *kok* [bahasa] melayu apa, bulatan, bulatan Tok Kenali. Sama ada dia silap dia tulis bulatan Kenali, lepas itu dia mengakui kesilapan dia. Sepatutnya kita tulis bulatan Tok kenali. Itu ialah bulatan Tok kenali. Tok kenali ini ialah antara alim ulama' yang tersohor di Kelantan. Jadi, permulaan itu di bulatan itu bermula dengan seorang yang ternama dalam akademik yang itu saya nampak. Tetapi, *in long term* [dalam jangka panjang] bagi saya, itulah *journey of* [perjalanan dari] kita sebagai *student* [pelajar], daripada bulatan itu, *you want to go* [awak nak pergi] kan *to the college out there, want to go to academic block, is there* [ke kolej di luar sana, mahu pergi ke blok akademik, ada di sana]. *In front there* [Di hadapan sana], tersergam kita punya bangunan, yang itu *trademark* [cogan kata] kita la, *trademark* (cogan kata) kita yang depan itu.

MS : Apakah keunikan tangga bangunan UiTM ini yang dikenali dengan jolokan "Batu Caves" dan apa signifikan terhadap UiTM ini?

DNK : Benda itu saya rasa dia tidak berlaku di fasa pertama, dia berlaku apabila di bina fasa ketiga [3] ke fasa kedua [2] yang di bina perpustakaan. Bila ada perpustakaan di situ, baru lah *came out coin out that said* [keluar menunjukkan yang dikatakan] daripada *student* [pelajar] daripada TAR [Kolej Tunku Abdul Rahman] TR [Kolej Tun Razak] itu, *instead* [sebaliknya] dia kena pusing itu, dia boleh *cross* [menyeberang] kat situ, *so that is the* [jadi itu] batu caves punya

given name [nama diberi].

MS : **Bagaimana penerimaan bangunan ini kepada penduduk setempat?**

DNK : Bagi penduduk setempat, istilah bahasa Kelantan *gak* [juga], *terngango* [ternganga] mulut, dia terlalu tidak jangka lah, *something* [sesuatu] yang *very big here* [sangat besar di sini], apa yang dia ingat kan, boleh cari *make* [makan], maksud nya dari segi limpahan aktiviti kepada masyarakat luar bandar akan berlaku di situ. *You just* [awak hanya] saya tengok [lihat] dalam waktu malam, kita tengok daripada jauh kalau boleh kita tengok [lihat] di sebelah sana saya terserempak sekali itu saya tengok di sana *it very nice* [ia sangat bagus], di mana bukit yang bergelapan, secara istilah bahasa klasik sikit kita boleh katakan di tengah-tengah luar kawasan luar bandar yang belum lagi membangun, terdapat intan permata yang berkelipan. *That is what expectation* [Inilah harapannya] atau pun orang di sekeliling. Kita kena faham bahawa di kawasan ini kalau tidak silap saya, penduduk dia tidak sampai dua [2] ribu punya, kita tidak campur kawasan pekan Machang ini, kawasan ini, kawasan ini, tidak sampai dua [2] ribu dan mereka banyaknya duduk dalam dalam itu, pedalaman, betul-betul pedalaman. Jadi, *this because of that* [ini kerana itu], bila ada bangunan macam ini, ialah sebagai satu rahmat bagi mereka. Pada masa sama, Kita *sadly to say* [sedih untuk mengatakan], saya rasa dia tidak ambil kesempatan yang betul. Kesempatan yang betul itu ialah untuk berniaga, untuk memberi fokus kepada

aktiviti-aktiviti yang boleh membangunkan mereka. *Takes time* [Ambil masa], ya, *take time* [ambil masa]. Sebenarnya itu adalah ruang lingkup pejabat daerah kalau mereka cepat saya rasa sepatutnya terdapat dah tersergam banyak bangunan-bangunan di sekeliling ini. *You just imagine* [Awak bayangkan] sekarang ini, ramai pelajar-pelajar kena duduk di luar. *Keep on* [Teruskan] dia kata, kalau ITM [Institut Teknologi MARA] nak sewa tidak apa lah, dia masih lagi tak nampak perspektif *investment* [pelaburan] di situ ya, Kita tengok di Perak. Malah dia ada taman Universiti, iaitu di sebelah itu, betapa bercambah, k [baiklah], saya percaya sebab *chinese can see that* [cina boleh melihatnya], *malays do not see that* [melayu tidak melihatnya], dan cuma usaha kita macam di Kelantan ini banyak dia kepada kerajaan itu ataupun pejabat daerah lah yang untuk pertingkatkan ya.

MS : Berapakah jumlah anggaran kos keseluruhan dalam pembinaan bangunan itu?

DNK : Daripada fasa pertama, kalau tidak silap saya *tiga puluh juta ringgit malaysia* [RM30,000,000], itu kalau Ini lah kalau jangkaan saya *tiga puluh juta ringgit malaysia* [RM30,000,000] (batuk). Pekerja dari segi pekerja saya lihat dari segi staf ITM [Institut Teknologi MARA] lah kalau kerja yang membuat kerja buat bangunan ini di luar jangkaan saya, tapi [tetapi] saya melihat dari segi staf yang datang dekat sini yang bermula bertapak di sini pada *sembilan belas puluh enam*

[1996] itu, pensyarah dengan staf yang lain kurang lebih seratus [100]. Tetapi, apa yang kita ada sekarang ini hampir lapan ratus [800] orang staf akademik dan juga bukan akademik. Jadi, peningkatan itu cukup luas. Ada satu kajian yang saya lakukan berkaitan dengan kesan UiTM [Universiti Teknologi MARA], keberadaaan UiTM [Universiti Teknologi MARA] ini di kawasan sekeliling sekitar ini iaitu setiap satu ringgit malaysia [RM1] yang di *spend* [belanja] yang di belanjakan oleh ITM [Institut Teknologi MARA], dia memberi limpahan kepada rakyat sekeliling sebanyak tidak silap saya satu perpuuhan lapan [1.8], jadi singgit [seringgit] kita ini dia mendapat pulangan seringgit lapan puluh sen Malaysia [RM1.80]. Jadi ada hampir dua [2] kali ganda lah limpahan daripada segi ekonomi dari segi sosial dan sebagainya.

MS : Adakah pernah bangunan ini mengalami apa-apa masalah seperti atap bocor, paip bocor, masalah sistem pamparitan dan sebagainya?

DNK : Yang itu macam sistem pamparitan itu secara inovatif yang panggil kita panggil bagus yang inovasi yang paling bagus yang tasik kita ada. Dia telah boleh membantu pengurangan banjir ataupun limpahan air daripda atas ini daripada bukit kepada kawasan sawah pada masa dahulu. Dari segi masalah paip bocor dan sebagai itu, memang ada. Walaupun begitu, kita mempunyai satu [1] unit iaitu pembangunan fasiliti, bukan, unit UPS [Uninterruptible Power Supply], pembangunan fasiliti rasanya, yang mana mengambil kira segala inilah

berkaitan dengan atap bocor dan sebagainya. Sebagai contoh, bangunan akademik ini, apa bangunan pentadbiran ini, selepas sepuluh [10] tahun, dia dah menjadi satu adat haha (ketawa) dia ada proses pembocoran dan kita kena buat pembetulan dan kita ada bajet yang untuk penyelenggaraan tersebut. Malah untuk cat pun, kita ada setiap sepuluh [10] tahun tidak silap kita cat yang baru, begitu juga tempat tempat yang lain dari segi *electricity* [tenaga elektrik] banyak yang kita kena ubah suai dan banyak yang kita kena ganti, alat ganti untuk item-item [barang-barang] tersebut.

MS : Adakah bangunan ini terjejas ketika musim hujan dan banjir?

DNK : Tidak sama sekali sebab dia duduk atas bukit haha (ketawa). Contohnya, kalau kita ada banjir setiap tahun di bawah sana di sebelah jalan sana yang mana ramai pelajar-pelajar tinggal di sana kita akan pindah ke dalam kampus. Yang keduanya, seperti mana terjadinya *dua ribu empat belas* [2014] banjir besar di mana universiti-universiti yang ingin memberi khidmat kepada kawasan di negeri Kelantan ini, akan berkhemah di sini, akan datang ke sini dan kita menjadi pusat bagi mereka bukan sekadar UiTM [Universiti Teknologi MARA] sahaja seluruh universiti yang di bawah kementerian pendidikan pengajian tinggi datang ke sini untuk menjadikan *center* [pusat] dan untuk penyebaran perkhidmatan sosial kepada masyarakat. Jadi, tempat kita dalam musim banjir ialah tempat yang strategik untuk menjadi pusat untuk membantu mereka mereka yang lain. Saya percaya kalau [kalau] lah di kawasan-kawasan terdekat ini pun berlaku banjir saya rasa pihak tidak ragu-ragu untuk menyediakan

penempatan di kawasan kampus sementara untuk masyarakat.

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN G: KONSEP DAN KEUNIKAN BANGUNAN

RS : Siapakah yang memberi idea UiTM ini dikenali dengan gelaran kampus tanah rendah sekebum bunga?

DNK : Berkaitan dengan idea gelaran tersebut sebenarnya datang daripada mantan Rektor kita iaitu Datuk Dr Hilmi Abdul Rahman yang mencari idea bagaimanakah untuk menjenamakan semula ataupun mempertingkatkan jenama UiTM [Universiti Teknologi MARA], jadi kita tahu bahawa Kelantan ini dikenali sebagai “serambi Mekah” tetapi kita bukanlah pengajian tinggi yang berfokuskan kepada pendidikan agama. Walaupun sebenarnya ini adalah sebenarnya daripada pendidikan agama, tetapi kita tengok [lihat] secara akademik dan setelah dibincang ramai didapati bahawa gelaran “tanah serendah sekebum bunga” itu menjadi *tagline* [slogan] kita seterusnya sepanjang beliau mengurus UiTM [Universiti Teknologi MARA]. Jadi, sehingga sekarang kita masih lagi ada tetapi pertambahan *tagline* [slogan] kita ialah “Entrepreneur Campus and Industry Linkages” kita tambah, Rektor sekarang ini dia tambah satu lagi.

RS : Bagaimanakah perkembangan pengoperasian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan, Kampus Machang dari sudut perkembangan fizikal dan program-program penyelidikan dan pendidikan?

DNK : Dari segi perkembangan fizikal kita telah bincang tadi iaitu kampus kita melalui empat [4] fasa daripada fasa pertama sehinggalah fasa keempat seperti kita telah

lihat tadi. Dari segi perkembangan program-program daripada tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] kita ada empat [4] program daripada tiga [3] fakulti DIA daripada fakulti Perakaunan, DIB daripada fakulti Business Management dan kita ada dulu [dahulu] Diploma in Secretary Science iaitu fakulti IM dulu [dahulu], Library Science. Itu Secretary Practice dia hilang jadi OM, OM sekarang ini masuk dalam Business School. Dulu [dahulu] Library Science [Sains Perpustakaan] sebelum menjadi IM [Information Management]. Selepas itu, dalam program sekarang ini kita ada lebih daripada dua puluh [20] program daripada beberapa fakulti tak silap saya enam [6] fakulti, Fakulti Perakaunan, Fakulti Business Management, FSKM, FSSR *sorry* [maaf] empat [4] fakulti. Tetapi kita punya program kita ada Diploma, Degree, Masters dan juga Phd. Kita ada semua, jadi program kita berkembang pesat. Dari segi penyelidikan, penyelidikan ini hubungan kait yang cukup besar apabila kita mempunyai staf-staf yang melalui proses doktor falsafah sebab dalam doktor falsafah dia kena buat penyelidikan jadi sebelum itu. Sebelum kita ada ramai pensyarah-pensyarah yang memiliki Phd *qualification* [kelayakan] penyelidikan adalah cukup umum tak banyak. Saya boleh katakan daripada tahun *dua ribu sepuluh* [2010] ke bawah itu penyelidikan pada geran yang sedikit dan bukan berimpak tinggi dan pada masa itu Dr Hussin *je* [sahaja] yang dapat Phd yang lain baru nak belajar buat Phd dan sebagainya. Tetapi sekarang ini kita mempunyai lebih lima puluh [50] orang phd *holder* [pemegang] atapun lebih daripada sepuluh peratus [10%] daripada jumlah pensyarah dan bagi saya inilah

